

PAHLAWAN TANAH AIR

AHMAD ORABI

(5)

Tunjuk perasaan di Istana Abdeen – *khedive* turun
kemudian – tentunya Orabi – jemaah menteri rakyat

(oleh: Abdul Rahman al-Rāfi‘i)

Peristiwa istana Abdeen bukan sahaja telah berkesan kepada angkatan tentera bahkan kesannya telah meliputi rakyat jelata dengan itu Ahmad Orabi mendapat kedudukan yang tinggi dan mulai menjadi buah mulut orang ramai, memuji kehandalan dan keberaniannya. Sebenarnya peristiwa itu sendiri dan pembawaannya yang berupa berani menentang kerajaan, membebaskan pegawai-pegawai yang terpenjara, memecat menteri perang dan menggantikannya dengan Mahmūd al-Bārūdī yang bertimbang rasa dan menyokong gerakan tentera anak negeri, semuanya itu telah mengangkat Ahmad Orabi menjadi penganjur Mesir yang dikasihi. Bertambah pula cita-cita yang diperjuangkan oleh angkatan tentera yang dipimpinnya tidaklah menyalahi hasrat dan cita-cita rakyat, kerana angkatan tentera itu terdiri daripada anak negeri yang datang dari segala ceruk daerah Mesir.

Apatah lagi kezaliman-kezaliman pemerintah yang ditimpakan kepada angkatan tentera, samalah seperti yang menimpa rakyat jelata.

Maka tidak pelik kalau langkah Ahmad Orabi dan angkatan tentera yang dipimpinnya bangun memberontak, mendapat sokongan rakyat dengan sepenuhnya. Cita-cita yang diperjuangkan oleh Ahmad Orabi sebenarnya cita-cita yang mulia iaitu hendak menuntut supaya diadakan majlis mesyuarat dari wakil-wakil rakyat dan hendak menjatuhkan kerajaan Riyad Pasha, atau dengan kata-kata yang lain: hendak mengubah cara pemerintahan dari pemerintahan yang bermaharajalela kepada pemerintahan yang berdasarkan demokrasi.

Apabila Orabi mengetahui bahawa angkatan tentera berada dalam tangannya dan rakyat pula menyokongnya, mulailah dia mengatur persediaan bagi menunaikan cita-citanya. Dalam pada itu sikap kerajaan dan undang-undang barunya yang bertujuan hendak menindas dan memecahkan perpaduan tentera makin mendorong Orabi dan rakan-rakan seperjuangannya kepada bangun memberontak.

Orabi dan rakan-rakannya telah sekata tidak mahu tunduk kepada perintah menteri perang yang menghendaki mereka bertukar tempat ke daerah-daerah yang jauh. Ia pun menulis kepada menteri perang menyampaikan keputusan mereka, sambil berbilang sedia hendak memimpin tentera mara ke istana dan menuntut *khedive* memenuhi tuntutan-tuntutan tentera.

Tunjuk perasaan di Istana Abdeen

Setelah mereka bersetuju hendak mengadakan tunjuk perasaan di hadapan Istana Abdeen pada 9 September 1881. Mereka pun mengatur dengan rapinya supaya semua pasukan tentera yang sedang ditempatkan di bandar Kaherah akan hadir di medan Abdeen pada petang hari itu kerana hendak merafakkan kepada *khedive* tuntutan-tuntutan rakyat. Tuntutan-tuntutan itu menghendaki jemaah menteri Riyad Pasha meletak jawatan, membentuk majlis mesyuarat dari wakil-wakil rakyat, dan menambahkan jumlah angkatan tentera. Ahmad Orabi pun mengutus kepada semua pasukan tentera – pasukan berkuda, pasukan meriam, dan pasukan berjalan kaki – yang sedang berada di bandar Kaherah – supaya hadir di medan Abdeen pada masa yang telah ditentukan kerana hendak merafakkan tuntutan-tuntutan yang adil yang berhubung dengan soal memperbaiki negeri dan menjamin nasibnya pada masa yang akan datang.” Ia juga mengutus kepada kounsel-kounsel kerajaan asing supaya mereka jangan terkejut dan kkuatir tentang keselamatan rakyat mereka masing-masing kerana perbuatan tunjuk perasaan yang akan diadakan oleh tentera itu semata-mata mengenai hal ehwal dalam negeri.

Pada saat yang telah ditentukan, berhimpunlah kesemua


pasukan tentera yang berjumlah kira-kira empat ribu orang dan cukup lengkap dengan alat senjata di medan Abdeen dengan disaksikan oleh khalayak yang datang mencurah-curah ke situ kerana hendak melihat suatu peristiwa yang tidak pernah berlaku sebelum itu. Peristiwa itu sebenarnya menggerunkan kerana kedatangan tentera yang beralat senjata ke istana dengan tujuan hendak merafakkan beberapa tuntutan, sudah tentu menggerunkan *khedive* dan jemaah menterinya.

Khedive Turun ke Medan

Khedive menyangka apakala baginda sendiri turun ke medan tak dapat tiada akan menjadikan angkatan tentera yang sedang berang itu reda. *Khedive* tiba dengan ditemani oleh Mr. Cookson: Kounsel British di Iskandariah – mewakili Konsul Jeneral Sir Edward Malet yang sedang bercuti – beserta dengan Sir Auckland penasihat ekonomi dan diiringi oleh askar-askar pengawal tubuh *khedive*.

Setibanya di tengah-tengah medan Abdeen, baginda pun menyeru Orabi, lalu Orabi dengan menunggang kuda dan pedangnya terhunus di tangan tampil mendapatkan *khedive* dengan diiringi oleh tiga puluh orang pegawai tentera yang menghunus pedang. Setibanya di hadapan *khedive* salah seorang pengiring baginda telah meminta supaya Orabi menyarungkan pedangnya dan turun dari atas kudanya. Perintah itu diturut oleh Orabi.

Pengiring-pengiring Orabi meskipun telah diperintahkan oleh *khedive* supaya menyarung pedang dan balik semula kepada pasukan masing-masing tetapi mereka enggan menurut dan tinggallah mereka berdiri menjadi pengawal tubuh Orabi.



Sesungguhnya riwayat perjuangan pada 70 tahun yang lalu, tetapi Orabi sentiasa dikenang oleh rakyat Mesir sebagai pahlawan tanah air yang ulung. Baru-baru ini riwayat Orabi telah dilakukan di atas pentas sandiwara di Iskandariah.

Ahmad Orabi kelihatan berdiri dengan gagah berhadapan dengan khedive sambil menegaskan cita-cita rakyat yang sedang diperjuangkannya. Di sebelah khedive kelihatan kounsel Inggeris.

Tuntutan-tuntutan Orabi

Apabila Orabi berdiri di hadapan *khedive* dan memberi hormat secara tentera, *khedive* pun bertanya kepadanya: “Apa yang menyebabkan kamu datang membawa tentera ke mari?”

“Kerana hendak merafakkan kepada tuanku tuntutan-tuntutan tentera dan rakyat.” jawab Orabi.

“Apa dia tuntutan-tuntutan itu?”

“Pertama pemecatan Riyad Pasha, kedua membentuk majlis mesyuarat dari wakil-wakil rakyat, dan ketiga menambahkan jumlah tentera.”

“Semua tuntutan ini tiadalah kamu berhak menuntutnya, beta ialah *khedive* (raja) negeri ini, beta berbuat

apa yang beta kehendaki!”

“Kami” kata Orabi menjawab, “bukanlah hamba abdi dan tidak akan reda dipusakai selepas hari ini!”

Apabila tiba seperenggan itu, Mr. Cookson pun mengesyorkan kepada *khedive* supaya berangkat balik ke istana kerana nampaknya akan buruk padahnya jika dibiarkan kedua pihak bertikam lidah. *Khedive* pun berangkat balik bersama-sama dengan pengiring-pengiringnya.

Tidak berapa antaranya, Mr. Cookson bersama-sama dengan Sir Auckland datang balik sebagai utusan *khedive* menyampaikan kepada Orabi, katanya: “Memecat jemaah menteri adalah menjadi hak *khedive*, dan menuntut supaya diadakan majlis mesyuarat dari wakil-wakil rakyat

bukanlah hak tentera, demikian juga menambahkan jumlah tentera tidak mustahak kerana kerajaan tidak cukup wang.”

“Tuan”, jawab Orabi, “tuntutan ini ialah tuntutan rakyat. Saya telah dilantik oleh rakyat bagi menunaikannya dengan perantaraan tentera ini, yang terdiri daripada anak, saudara dan kaum kerabat mereka. Tentera ialah kekuatan yang dengannya dapat kami menunaikan apa-apa jua yang membawa kebaikan kepada tanah air. Lihat orang yang penuh sesak di belakang tentera, mereka ini ialah rakyat yang telah melantik kami, menjadi wakil menuntut hak-hak mereka. Hendaklah diketahui, bahawa kami tidak akan beralah daripada tuntutan-tuntutan kami, dan tidak akan meninggalkan tempat ini selagi belum tertunai!”

Mendengarkan jawapan Orabi yang tegas dan tidak mahu bertolak ansur itu Mr. Cookson cuba pula menggugut dengan berkata: “Daripada apa yang tuan katakan tadi, fahamlah saya bahawa tuan hendak menunaikan tuntutan tuan dengan menggunakan kekuatan, padahal langkah

Berita Bahasa

Pada 8 Disember yang lalu, Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, telah mengadakan suatu majlis ceramah tentang “Cara-cara Hendak Menyatukan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia”. Tiga orang pensyarah dari Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya telah berucap dan beberapa orang dari jemputan telah memberi fikiran.

Pergerakan hendak menyatukan kedua-dua bahasa yang berasal dari – satu rumpun itu mudah-mudahan akan berjaya.

Gara-gara Doktor Focker

Dalam masa mereka asyik berbual-bual, lalu melarat kepada kisah “anak kucing bertanduk”.

Tiba-tiba kedengaran Surif menyalahkan Cikgu Hasan, katanya: “Menurut fonetik Doktor Focker, hendaklah disebut “ana kucing” bukan “anak kucing”.

Tergelak-gelak Cikgu Hasan mendengarnya lalu menjawab: “Patut awak bercakap “Mmmbeek” bunyinya. Rupanya awak selama ini bermodalkan fonetik Doktor Focker, bukan modal Melayu?”

- Seri Lanang.

yang demikian akan menyebabkan hilang negeri tuan”. “Bagaimana pula boleh begitu?” bertanya Orabi sambil berkata: “Siapa pula yang boleh menghalangi urusan dalam negeri kami? Ketahuilah, kami akan menentang dengan keras siapa jua yang hendak menghalangi kami, sehingga kami kesemuanya punah-ranah!”

Kata-kata Orabi itu telah dicabar oleh kounsel British katanya: “Mana dia kekuatan tentera pihak tuan, yang tuan hendak mempertahankan diri dengannya?”

“Apabila keadaan memaksa, bolehlah kami menyediakan dua juta askar yang mempertahankan tanah air kami. Mereka akan mendengar dan menyuhut perintah saya” jawab Orabi.

“Kalau tuntutan tuan tidak mendapat layanan, apa tuan akan lakukan?”

“Saya akan menuturkan sepatah kata yang lain”

“Apa dia?”

“Saya tidak mahu ucapkan melainkan ketika saya telah berputus asa”.

(bersambung)